

13/02/2001

Perwaja: Kepentingan nasional diutamakan

KOTA KINABALU, Isnin - Kerajaan akan mengambil kira kepentingan nasional sebelum membenarkan mana-mana pihak mengambil alih operasi syarikat Perwaja Steel Sdn Bhd.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini beberapa pihak sudah menyatakan minat untuk membaik pulih seterusnya menghidupkan kembali operasi syarikat besi keluli itu.

"Kerajaan sudah mengambil keputusan untuk menghidupkan semula operasi Perwaja Steel menerusi pihak yang boleh menguruskannya dengan baik.

"Bagaimanapun, kepentingan nasional perlu dipastikan terlebih dahulu," katanya pada sidang akhbar di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, hari ini.

Dr Mahathir berharap perkembangan terbaru siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap syarikat itu dapat menghasilkan sesuatu yang mampu menyelesaikan kes itu.

Sabtu lalu, Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Husin, berkata pihaknya mendapat petunjuk baru untuk meneruskan siasatan apabila kerajaan Switzerland setuju bekerjasama dalam penyiasatan urus niaga akaun tertentu dalam bank negara itu.

Perkembangan terbaru itu membolehkan BPR mengendalikan siasatan lebih terperinci mengenai penyelewengan wang Perwaja Steel yang dikatakan berjumlah RM76.4 juta, dipercayai disimpan dalam bank negara itu.

Sementara itu, ketika diminta mengulas langkah Kementerian Pertahanan membeli senjata dari Pakistan, Dr Mahathir berkata Malaysia akan membeli senjata daripada sesiapa yang mampu membekalkan kelengkapan pertahanan pada harga berpatutan.

"Kita bukan saja membeli senjata dari Pakistan, kita juga membeli dari Russia, Amerika Syarikat, Perancis dan India. Sesiapa saja menjual kelengkapan yang kita perlukan dengan harga berpatutan, kita akan beli," katanya.

Sambil berseloroh, beliau turut berkata: "Jika awak ada senjata untuk dijual, mungkin kita boleh beli."

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, mengumumkan langkah kerajaan untuk membeli beberapa sistem senjata dalam skala terhad membabitkan kelengkapan pertahanan udara serta antikereta kebal bersaiz sederhana untuk tentera darat.

(END)